



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Cawangan Perlis  
Kampus Arau

# Buletin InTouch

@ UiTM Cawangan Perlis

Edisi:  
2022

## Mendukung Misi GRU2025

Fokus Utama Amanat Rektor  
UiTM Cawangan Perlis Bagi  
Tahun 2022

### Menarik di dalam



UiTM Cawangan Perlis Jalin Kerjasama  
Bersama Korea Sports Promotion Foundation  
(KSPO) Korea Selatan



Program Hari Hutan Sedunia (21 Mac),  
Hari Air Sedunia (22 Mac) dan Ulang Tahun  
Penubuhan Trash Hero Perlis Yang Ke-3



UiTM Cawangan Perlis Jalin Kongsi  
Kepakaran Kepada Komuniti  
Orang Asli Melalui ESKOM  
2022



Majlis Menandatangani Memorandum  
Perjanjian (MoA) Antara Universiti  
Teknologi MARA (UiTM) Dengan  
Universitas Gajah Mada (UGM)  
Indonesia



## UiTM CAWANGAN PERLIS ZAHIR KEPERIHATIAN KEPADA GOLONGAN ASNAF

Oleh:  
Eliy Nazira Mat Nazir  
Ustazah Noraini Ismail

Arau, 23 April 2022 – 140 buah rumah keluarga asnaf dan anak yatim telah menerima bantuan barangan keperluan dapur serta duit raya menerusi Program Jaulah Ramadhan Perlis-Kedah (Jaulah 1.0) yang telah diadakan pada hari ini.

Program anjuran bersama Unit Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni (ICAN), PJIMA UiTM Cawangan Perlis, Usrah A.M.A.L, Persatuan Prihatin Komuniti Negeri Perlis (Communicare) dan Kesatuan Kebangsaan Guru-Guru Agama Malaysia Barat (Cawangan Kedah) ini mensasarkan sebanyak 6 kawasan perkampungan di sekitar Perlis dan Kedah dengan penglibatan seramai 75 orang sukarelawan

dari kalangan staf UiTM Cawangan Perlis serta wakil-wakil NGO. Antara kawasan yang terlibat adalah Kampung Guring, Pauh, Kg Batu Bertangkup, Klinik Kesihatan Laka Temin, Kg Musa, Pedu, Kampung Bendang Tebal, Chepir, Sik, dan Pusat Penjagaan Anak Yatim Dan Miskin At-Taqwa, Baling.

Prof. Madya Ts. Dr. Shukor Sanim Mohd Fauzi, Rektor UiTM Cawangan Perlis menyambut baik program seperti ini kerana ia membuktikan bahawa UiTM perihatin terhadap masyarakat. Beliau turut menggalakkan warga kampus untuk terus menjalinkan kerjasama erat bersama NGO dan industri dalam kerja-kerja amal seperti ini dalam usaha ke arah pembangunan

sosiobudaya dan ekonomi komuniti.

Program Jaulah Ramadhan Perlis-Kedah siri pertama ini telah berjaya menerima sumbangan dan tajaan dalam bentuk wang tunai dan juga barangan. Antara agensi yang memberi sumbangan adalah Bina Darulaman Berhad, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPS) dan *Hijabs by Hanami*.

Program bermula sekitar jam 8.00 pagi berakhir usai program agihan dan majlis berbuka puasa di Pusat Penjagaan Anak Yatim Dan Miskin At-Taqwa, Baling, Kedah sekitar jam 8.00 malam.